



## KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan  
Aras 10, Blok 4, Kompleks Ujana Kewangan  
Peti Surat 81097  
87020 Wilayah Persekutuan Labuan

Telefon : 087-583351 / 587353 / 583357  
Fax : 087-583352 / 583355  
Laman Web : jpwpl.moe.gov.my  
E-mel : jpnlabuan@moe.gov.my

Rujukan : JPWPL.SPS.600-11/2/1 Jld. 8 ( 3 )  
Tarikh : 22 Januari 2020

Ganesan S. Sittrambaram  
Presiden Kelab Duta Rimba @ Jungle Ambassador  
Kelab Duta Rimba  
Kuarters Pendidikan Guru  
Blok C-4-3 Jalan Atinahappan  
Taman Tun Dr Ismail  
60000 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Tuan,

### **KELULUSAN PENGANJURAN PROGRAM INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020 UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH TAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN DUTA RIMBA@JUNGLE AMBASSADOR**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian tuan mengenai perkara di atas.

2. Setelah meneliti surat permohonan tuan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan **tiada halangan** kepada pihak tuan untuk mengadakan program berkenaan. Untuk makluman pihak tuan penganjuran program ini adalah tertakluk kepada **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.9/2004 Ruj. KP(BS)8691/ Jld.XVII(9) bertarikh 16 September 2004 – Panduan Penglibatan Murid-Murid Sekolah Dalam Program Atau Anjuran Agensi-Agensi Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.**

3. Untuk menjayakan program tersebut, pihak tuan dinasihatkan supaya mengadakan perbincangan bersama sekolah terlibat mengenai kaedah terbaik melaksanakannya di samping mematuhi syarat-syarat berikut :

- 3.1 **Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;**
- 3.2 Jika ada penyertaan dalam kalangan guru dan warga sekolah, hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah berkenaan;
- 3.3 Pihak penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan warga sekolah yang terlibat dengan program ini;
- 3.4 Warga sekolah **tidak boleh dipaksa atau diwajibkan** terlibat dengan program ini dan pihak penganjur adalah bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan warga sekolah yang terlibat;
- 3.5 Tiada sebarang unsur negatif mengenai sekolah dan warganya dibangkitkan dalam sesi ceramah tersebut dan **penyertaan murid-murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa dan penjaga;**

**KELULUSAN PENGANJURAN PROGRAM INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020 UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH TAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN DUTA RIMBA@JUNGLE AMBASSADOR**

---

- 3.6 Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk makan, minum, penginapan dan tuntutan perjalanan peserta yang hadir;
  - 3.7 Pihak tuan dipohon agar mengemukakan satu salinan laporan program (Lampiran 1) dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program tersebut;
  - 3.8 Tidak melibatkan implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan W.P. Labuan, sekolah, guru dan murid yang terlibat secara paksaan; dan
  - 3.9 Semua syarat dan peraturan di atas hendaklah dipatuhi dan Jabatan Pendidikan W.P. Labuan boleh menarik balik kelulusan ini bila-bila masa.
4. Untuk makluman tuan, pihak KPM sedang berusaha Melindungi Masa Instruksional (MMI), yakni masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid. Oleh yang demikian, pihak kami mencadangkan supaya ~~penyertaan murid-murid~~ bagi program tersebut diadakan diluar waktu PdP agar tidak menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran murid.
5. Kelulusan ini hanya untuk tujuan yang dipohon sahaja dan luput selepas tarikh 18 Januari 2020.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MAIMOON BINTI MATNOH)**

Timbalan Pengarah,  
Sektor Pengurusan Sekolah  
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan

s.k :